

## AROMA BUSUK WAKTU PAGI

■ 34 murid SK Pasir Putih mengadu loya, mual ketika ikuti pembelajaran di kelas



PELAJAR memakai topeng muka ketika berkumpul sementara menunggu kehadiran ibu bapa, semalam.

Mary Victoria Dass  
maryvictoria@hmetro.com.my

### Pasir Gudang

Seramai 34 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Putih mengadu loya selepas terhidu bau busuk ketika sesi pembelajaran pagi semalam.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Permas, Datuk Seri Che Zakaria Mohd Salleh berkata, 27 murid dirujuk ke Klinik Kesihatan Pasir Gudang bagi mendapatkan rawatan susulan.

Bellau berkata, kejadian berlaku kira-kira 8.30 pagi ketika sekumpulan murid mengikuti pembelajaran di tingkat dua dan tiga sekolah berkenaan.

Menurutnya, mereka yang mengadu loya, mual dan sesetengahnya muntah



CHE Zakaria (tengah) melihat keadaan murid.

selepas terhidu bau seperti getah atau sampah.

"Keadaan terkawal dan sekolah berkenaan tidak ditutup operasinya sebaliknya tetap berjalan seperti biasa.

"Tiada murid yang dirujuk ke hospital awam atau swasta dan mereka dibenarkan pulang ke rumah selepas dipantau.

"Punca kejadian masih dalam siasatan," katanya ketika meninjau murid SK Pasir Putih di sini.

Che Zakaria berkata, orang ramai dinasihatkan supaya tidak panik dengan kejadian berkenaan.

"Orang ramai perlu menunggu pengumuman lanjut daripada pihak berkaitan.

"Keselamatan dan keselesaan murid serta pelajar sekolah menjadi keutamaan, punca masih dalam siasatan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Negeri

Johor, Dr Selahuddeen Abd Aziz mengesahkan kejadian.

"Sehingga kini tiada murid dirujuk ke hospital dan hanya mendapatkan rawatan asas di klinik kesihatan berhampiran," katanya ketika dihubungi.

## Bacaan parameter udara pada tahap normal

**Johor Bahru:** Pencemaran bau yang menyebabkan 33 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pasir Putih, Pasir Gudang, mengalami simptom muntah, sesak nafas dan pening dipercayai berpunca daripada loji rawatan kumbahan berhampiran.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar, Tan Chen Choon berkata, sebak diberitahu mengenai kejadian itu dia bergegas ke lokasi untuk meninjau sendiri apa yang berlaku di tempat kejadian.

Menurutnya, hasil pemeriksaan pegawai kesihatan memberitahu 33 murid terabit dalam kejadian ini dengan 17 daripada mereka di-

rekodkan sebagai kes berulang.

"Semua mangsa terabit mengalami simptom muntah-muntah, sesak nafas dan pening kepala. Setakat ini, tiada mangsa dirujuk ke hospital dan mereka dibenarkan pulang ke rumah masing-masing selepas menerima rawatan daripada klinik kesihatan.

"Insiden pencemaran berbau najis kali ini disyaki berpunca daripada loji rawatan kumbahan kawasan berhampiran.

"Selain itu, bacaan parameter udara yang direkodkan pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menunjukkan kualiti udara di kawasan sekolah adalah pada tahap normal dan bacaan *Volatile Organic Compounds* (VOC) adalah sifar," katanya.

Menurutnya, sudah mengarahkan Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) menyelenggara loji kumbahan najis itu secepat mungkin serta memantau kualiti udara secara bersepadu oleh pelbagai agensi kerajaan dari semasa ke semasa.



TAN